



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENERAPAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT) DALAM PENGAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN PENDIDIKAN SENI VISUAL



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

NOR LAILA BINTI MD ZAIN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PENERAPAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT) DALAM
PENGAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN PENDIDIKAN SENI VISUAL**

NOR LAILA BINTI MD ZAIN

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI SENI, KOMPUTERAN DAN INDUSTRI KREATIF
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2021



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
اوپيسياي تڤدديڤان سلطان ادريس
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada¹⁰ (hari bulan).....^{JUN} (bulan) 20.....²¹

i. Perakuan pelajar:

Saya, NOR LAILA BINTI MD ZAIN, P20142001497, FAKULTI SENI, KOMPUTERAN & INDUSTRI KREATIF (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk PENERAPAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT) DALAM PENGAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN PENDIDIKAN SENI VISUAL.

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejasanya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PROFESOR DR. MD NASIR BIN IBRAHIM (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PENERAPAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT) DALAM PENGAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN PENDIDIKAN SENI VISUAL

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah DOKTOR FALSAFAH PENDIDIKAN SENI (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

10 JUN 2021

Tarikh

Tandatangan Penyelia





**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: PENERAPAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT) DALAM
PENGAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN PENDIDIKAN SENI VISUAL

No. Matrik / Matric No.: P20142001497

Saya / I: NOR LAILA BINTI MD ZAIN
(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) from the categories below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 16 JULAI 2021

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

PROF. DR. MD. NASIR IBRAHIM
Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjung Malim, Perak

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini SULIT @ TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the related authority/organization mentioning the period of confidentiality and reasons for the said confidentiality or restriction.

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah S.W.T Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang
Selawat dan Salam ke atas Junjungan Mulia Nabi Muhammad S.A.W.

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. dengan limpah rahmat dan keizinan-Nya, kerana telah memberi saya kekuatan, semangat dan iltizam untuk saya menyempurnakan dan menyiapkan tugas penulisan penyelidikan ini.

Setinggi-tinggi sanjungan dan penghargaan ditujukan kepada semua pihak atas sokongan dalam proses saya sampai ke titik terakhir dalam kajian ini secara langsung atau tidak langsung. Ucapan jutaan terima kasih yang tidak terhingga saya tujukan khas buat pensyarah penyelia saya iaitu Profesor Dr.Md Nasir bin Ibrahim, ketekunan membaca dan menyemak, maklum balas dan komitmen beliau membimbing dan memberi tunjuk ajar, motivasi dan sokongan memberi semangat untuk menyiapkan penyelidikan ini. Tidak dilupakan juga buat pensyarah penyelia kedua iaitu Prof. Madya Dr.Abdul Halim Hussain yang turut memberi sokongan dan semangat dalam saya menyelesaikan kajian ini. Di samping itu, pensyarah lain seperti Puan Jamilah Omar dan Dr.Khalijah Ahmad yang turut banyak membantu, menyokong dan memberi semangat kepada saya untuk meneruskan perjuangan ini.

Sekalung terima kasih juga saya ucapkan kepada semua partisipan kajian yang terlibat secara langsung khususnya enam orang guru, dan murid-murid di sekolah-sekolah yang telah saya jalankan kajian ini kerana telah memberi kerjasama dan komitmen kepada saya untuk melengkapkan penyelidikan ini. Tidak lupa juga kerjasama yang baik ditunjukkan oleh para pentadbir iaitu pengetua-pengetua yang sangat membantu dan memberi sokongan terutamanya Pn. Hajah Qanaah, Pn. Farah, pentadbir-pentadbir dan guru-guru di empat buah sekolah yang menjadi pilihan saya untuk mendapatkan data kajian.

Di samping itu, penghargaan terima kasih ini juga ditujukan kepada pensyarah-pensyarah Universiti Pendidikan Sultan Idris yang turut sama memberi semangat dan mencurahkan ilmu secara langsung dan tidak langsung sepanjang tempoh saya menyiapkan penyelidikan ini. Terima kasih juga dikhaskan kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris, Bahagian Tajaan Pendidikan Kementerian Pelajaran Malaysia kerana memberi peluang dan ruang kepada saya untuk menimba ilmu pengetahuan. Buat rakan-rakan dan sahabat-sahabat seperjuangan yang sama-sama meniupkan semangat dan sudi berkongsi pandangan dan ilmu dalam usaha menyiapkan kajian ini. Saya tetap mengingati jasa dan pengorbanan kalian. Alhamdulillah, terima kasih sahabat.

Istimewa buat kaum keluarga tersayang dan anak yang sangat memberi kekuatan dan sokongan berterusan. Kepada bonda dan ayahanda tersayang yang telah kembali ke rahmatullah, semoga sentiasa dicucuri rahmat dan dalam kasih sayang Allah.

Semoga segala usaha dan bakti mendapat ganjaran daripada Illahi.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

v

*Bicara idea tanpa jemu
Semoga manfaat sedikit ilmu*

*Nor Laila binti Md Zain
Tanjong Malim, Perak.
2021.*



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meneroka penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) Pendidikan Seni Visual (PSV). Fokus kajian ini menjurus kepada pengetahuan, sikap, kaedah PdPc dan faktor-faktor lain terhadap penerapan KBAT. Pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes telah digunakan dalam kajian ini. Pemilihan partisipan kajian dilakukan melalui persampelan purposif (bertujuan). Partisipan yang dipilih terdiri daripada enam orang guru PSV yang berpengalaman mengajar melebihi 10 tahun. Selain itu, terdapat juga 10 orang murid tingkatan empat aliran kemanusiaan yang mengambil subjek PSV. Kesemua partisipan kajian diperoleh dari empat sebuah sekolah di negeri Pulau Pinang. Pengumpulan data dibuat menggunakan kaedah temu bual semi struktur dan kumpulan berfokus, pemerhatian dan analisis dokumen. Data dianalisis secara deskriptif menggunakan perisian ATLAS.ti 8.0. Dapatan kajian menunjukkan pengetahuan dan sikap guru-guru adalah baik terhadap penerapan KBAT dalam PSV berdasarkan pengalaman, motivasi dan minat mereka. Mereka begitu menyedari keperluan KBAT pada masa ini walaupun mereka kurang mendapat pendedahan secara formal tentang amalan KBAT. Mereka juga berusaha mempelajari kaedah, strategi dan teknik pengajaran bagi pelaksanaannya seperti kaedah perbincangan, kaedah penyelesaian masalah, strategi berpusatkan murid dan teknik demonstrasi. Terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi proses penerapan KBAT iaitu faktor dalaman dan faktor luaran. Faktor dalaman adalah seperti guru-guru, murid-murid, para pentadbir, masa dan bahan pengajaran manakala faktor luaran seperti ibu bapa dan masyarakat. Kesimpulannya, kerjasama semua pihak harus ditingkatkan untuk memantapkan pengetahuan pedagogi guru-guru bagi menjana perkembangan kreativiti para murid dalam Pembelajaran Abad Ke-21 secara komprehensif. Implikasi kajian jelas memperlihatkan faktor guru, murid dan semua pihak sangat perlu dan signifikan bagi memartabatkan penerapan KBAT. Diharapkan kajian ini dapat dijadikan panduan dan penambahbaikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran berdasarkan amalan praktis KBAT khususnya bagi meningkatkan keberkesanan PdPc subjek PSV.



INTEGRATION OF HIGHER-ORDER THINKING SKILLS IN TEACHING AND FACILITATING OF VISUAL ARTS EDUCATION.

ABSTRACT

The purpose of this study is to explore the application of Higher-Order Thinking Skills (HOTS) in the teaching and facilitation of Visual Arts Education. This study focuses on the knowledge, attitudes, teaching methods and factors that influence the implementation of HOTS. A qualitative approach with case study design was adopted in this study. This study used purposive sampling. The participants were six experienced Visual Art Education teachers with more than 10 years of experience. In addition, 10 students from Humanities stream who study Visual Arts Education were included in this study. All of them were chosen from four schools in Penang. The methods used to collect data were semi-structured interviews, focus groups interviews, observations and document analysis. The data were analyzed descriptively using ATLAS.ti 8.0 software. The findings showed that teachers' knowledge and attitudes are good in implementing HOTS in Visual Art Education based on experience, motivation and interest factors. They are well aware of the need for HOTS at this time even though they have less formal exposure to HOTS practices. They also strive to learn new teaching methods, strategies and techniques such as discussion methods, problem solving methods, student-centered strategies and demonstration techniques. There are various factors that influence the integration process of HOTS; the internal factors and external factors. Internal factors such as teachers, students, administrators, time and teaching materials while external factors are such as parents and society. In conclusion, the cooperation of all parties needs to be strengthened to enhance the pedagogical knowledge of teachers, which will elevate the development of students' creativity in 21st Century Learning comprehensively. The implications of the study clearly showed that the factors of teachers, students and all parties are very necessary and significant to elevate the application of HOTS. It is hoped that this study can be used as a guide and improvement in the teaching and learning process based on the practical implementation of HOTS, specifically to enhance the teaching effectiveness and facilitation of Visual Art Education subject.

**KANDUNGAN****Muka Surat**

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xvii
SENARAI RAJAH	xviii
SENARAI SINGKATAN	xxi
SENARAI LAMPIRAN	xxiii
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Penyataan Masalah	11
1.4 Tujuan Kajian	18
1.5 Objektif Kajian	18
1.6 Persoalan Kajian	19
1.7 Kepentingan Kajian	20
1.7.1 Kepentingan Kepada Pengkaji	21
1.7.2 Kepentingan Kepada Pihak Pentadbir (KPM, JPN, PPD dan Sekolah)	22
1.7.3 Kepentingan Kepada Para Guru dan Bakal-Bakal Guru	23
1.8 Definisi Istilah	25
1.8.1 Penerapan	25



1.8.2	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi	26
1.8.3	Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc)	27
1.8.4	Pendidikan Seni Visual (PSV)	28
1.8.5	Guru Pendidikan Seni Visual (GPSV)	28
1.9	Batasan Kajian	29
1.9.1	Batasan Tempat	30
1.9.2	Batasan Partisipan Kajian	31
1.10	Sistematik/Struktur Penulisan Laporan Kajian	32
1.11	Rumusan	34

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR 35

2.2	Konsep Pemikiran	36
2.2.1	Konsep dan Pengertian Kemahiran Pemikiran	36
2.2.2	Konsep Pemikiran Kritis	49
2.2.3	Konsep Pemikiran Kreatif	55
2.2.4	Konsep Pemikiran Aras Tinggi	59
2.3	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam pendidikan	61
2.3.1	KBAT dalam Pendidikan di Luar Negara	63
2.3.2	KBAT dalam Pendidikan di Malaysia	69
2.3.2.1	Elemen dan Domain KBAT	75
2.3.2.2	Persekitaran Pembelajaran KBAT	77
2.3.2.3	Ciri-Ciri Guru	79
2.3.2.4	Ciri-Ciri Murid	81
2.3.2.5	Suasana Bilik Darjah	83
2.3.3	KBAT dalam Pendidikan Seni Visual	85

2.3.3.1	Format KBAT dalam Pendidikan Seni Visual	98
2.3.3.2	Kepentingan penerapan KBAT dalam Pendidikan Seni Visual	105
2.4	Model dan Teori Pengajaran dan Pembelajaran	113
2.4.1	Model Penerapan KBAT	114
2.4.1.1	Model Taksonomi Bloom	114
2.4.1.2	Model Taksonomi Bloom-Anderson	117
2.4.2	Teori Kognitif (Kognitivisme)	119
2.4.3	Teori Konstruktivisme	126
2.5	Kajian-Kajian Berkaitan	129
2.5.1	Kajian Luar Negara	130
2.5.2	Kajian Dalam Negara	138
2.6	Penerapan KBAT dalam Pengajaran dan Pemudahcaraan Pendidikan Seni Visual	164
2.6.1	Peranan Guru dalam Pengajaran dan Pemudahcaraan Berasaskan KBAT	164
2.6.1.1	Pengetahuan Guru	167
2.6.1.2	Sikap Guru	172
2.6.1.3	Kemahiran Guru	175
2.6.1.4	Amalan Profesionalisme	176
2.6.2	Pendekatan, Kaedah, Strategi dan Teknik Pengajaran Dalam Penerapan KBAT	182
2.6.3	Faktor Dorongan dan Mempengaruhi Penerapan KBAT	187
2.6.3.1	Guru	187
2.6.3.2	Murid	191
2.6.3.3	Masa	194

2.6.3.4	Pentadbir	195
2.6.3.5	Masyarakat	197
2.7	Kerangka Konseptual Kajian	198
2.8	Rumusan	199
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	201
3.2	Pendekatan Kajian	201
3.3	Reka Bentuk Kajian	206
3.4	Lokasi Kajian	209
3.4.1	Latar Belakang Sekolah	213
3.4.1.1	Profil Sekolah 1 (SMJK1)	213
3.4.1.2	Profil Sekolah 2 (SMK2)	214
3.4.1.3	Profil Sekolah 3 (SMK3)	214
3.4.1.4	Profil Sekolah 4 (SMK4)	215
3.5	Partisipan Kajian	216
3.5.1	Prinsip Pemilihan Partisipan	216
3.5.2	Profil Partisipan Kajian	220
3.6	Prosedur Pengumpulan Data	223
3.7	Kajian Pralapangan	225
3.8	Teknik Pengumpulan Data	227
3.8.1	Temu Bual	228
3.8.2	Pemerhatian	231
3.8.3	Dokumen	232
3.9	Matrik Pengumpulan Data	234
3.10	Pentadbiran Kajian Sebenar	236
3.11	Prosedur Penganalisan Data	242
3.11.1	Analisis Semasa Pengumpulan Data	244

3.11.2	Analisis Selepas Pengumpulan Data	246
3.11.3	Analisis Data Temu Bual	247
3.11.4	Analisis Data Pemerhatian	247
3.11.5	Analisis Data Dokumen	247
3.11.5.1	Dokumen Peribadi	248
3.11.5.2	Dokumen Rasmi	248
3.11.5.3	Fotografi	248
3.12	Kesahan dan Kebolehpercayaan	249
3.12.1	Kesahan Dalaman/Kandungan (<i>credibility</i>)	250
3.12.1.1	Triangulasi	250
3.12.1.2	<i>Member Check</i>	252
3.12.1.3	Pemeriksaan Jangka Panjang	252
3.12.1.4	Pemeriksaan Rakan Sekerja	253
3.12.2	Kesahan Luaran (<i>Transferability</i>)	253
3.13	Rumusan	254
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	255
4.2	Latar Belakang Partisipan Guru, Partisipan Murid dan Sekolah	256
4.2.1	Latar Belakang GPSV di SMJK1-SMK4	256
4.2.1.1	GPSV In.1	257
4.2.1.2	GPSV In.2	258
4.2.1.3	GPSV In.3	259
4.2.1.4	GPSV In.4	260
4.2.1.5	GPSV In.5	261
4.2.1.6	GPSV In.6	262
4.2.2	Profil Partisipan Murid	263



4.2.3.1	Murid GPSV In.3	264
4.2.3.2	Murid GPS VIn.4	264
4.3	Tahap Pengetahuan GPSV Terhadap KBAT	265
4.3.1	Sumber Pengetahuan	266
4.3.2	Pemahaman Konsep KBAT	268
4.3.3	Kemahiran Berfikir Melalui Taksonomi	270
4.3.4	Perancangan	271
4.3.5	Persediaan	273
4.3.6	Penguasaan Isi Kandungan Murid	277
4.3.7	Ciri-Ciri Guru KBAT	280
4.3.8	Ciri-Ciri Pengajaran KBAT	285
4.3.9	Kemahiran Guru	289
4.4	Sikap GPSV Terhadap Penerapan KBAT	292
4.4.1	Pandangan	293
4.4.1.2	Persepsi KBAT dalam PSV	295
4.4.2	Penerimaan	297
4.4.3	Bebanan	299
4.4.4	Kesukaran	302
4.4.5	Usaha Guru	304
4.4.6	Prihatin	308
4.4.7	Kekangan	312
4.4.8	Cabaran	315
4.5	Pelaksanaan Penerapan KBAT dalam PDPC PSV	319
4.5.1	Kaedah	320
4.5.1.1	Kaedah PdPc	321
4.5.1.2	Kaedah Penyampaian	326





	4.5.1.2.1	Suara Dan Arah	327
	4.5.1.2.2	Kata Pujian/ Teguran/ Nasihat	328
	4.5.1.2.3	Mengaitkan dengan Persekitaran dan Masa Depan	332
	4.5.1.2.4	Pengaplikasian Aras Hierarki KBAT	334
	4.5.1.2.5	Penggunaan Peta Pemikiran	337
4.5.2		Strategi	337
4.5.3		Teknik	346
4.5.4		Penggunaan Sumber Pengajaran	349
4.5.5		Penglibatan Murid	353
4.6		Faktor-Faktor Mempengaruhi Penerapan KBAT	356
4.6.1		Faktor Dalaman	357
	4.6.1.1	Guru	357
	4.6.1.2	Murid	360
	4.6.1.3	Pentadbir	364
	4.6.1.4	Bahan Pengajaran	366
	4.6.1.5	Masa	369
	4.6.1.6	Keperluan KBAT	372
4.6.2		Faktor Luaran	376
	4.6.2.1	Ibu bapa	376
	4.6.2.2	Masyarakat	379
4.7		Rumusan	380



BAB 5	RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN	381
5.2	Ringkasan Kajian	382
5.3	Rumusan Kajian	383
5.4	Perbincangan dan Dapatan Kajian	385
5.4.1	Pengetahuan GPSV Terhadap Pengajaran KBAT	385
5.4.2	Sikap Guru Terhadap Pengajaran KBAT	391
5.4.3	Pelaksanaan GPSV dalam Penerapan KBAT	393
5.4.4	Faktor-Faktor Mempengaruhi Penerapan KBAT	397
5.4.4.1	Guru	398
5.4.4.2	Murid-murid	400
5.4.4.3	Pentadbir	406
5.4.4.4	Bahan Pengajaran	407
5.4.4.5	Masa	408
5.4.4.6	Keperluan KBAT	409
5.4.4.7	Ibu Bapa	410
5.4.4.8	Masyarakat	411
5.5	Implikasi Dapatan Kajian	412
5.5.1	Implikasi Terhadap Profesionalisme Guru-Guru	412
5.5.2	Implikasi Terhadap Pentadbir Sekolah	415
5.5.3	Implikasi Terhadap Murid-Murid	415
5.5.4	Implikasi Terhadap Inisiatif Pelaksanaan	416
5.6	Sumbangan Kajian	418
5.6.1	Sumbangan Terhadap Bukti Empirikal	418
5.6.2	Penemuan Ciri Baru Dalam Kajian	421

5.7	Cadangan Kajian Lanjutan	423
5.8	Rumusan	425
RUJUKAN		427
LAMPIRAN		456



SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Empat ciri pemikiran kritis	51
2.2	Perhubungan aras kemahiran objektif pengajaran dengan teknik mengajar (Mok, 2002, ms. 53)	184
3.1	Jumlah keseluruhan sekolah di negeri Pulau Pinang mengikut daerah	210
3.2	Maklumat tempat kajian (data daripada temu bual)	213
3.3	Jumlah bilangan guru dan murid-murid yang terlibat dalam kajian	220
3.4	Demografi Partisipan Kajian (data daripada temu bual)	223
3.5	Matrik pengumpulan data	234
3.6	Tempoh pengumpulan data kajian	240
4.1	Maklumat partisipan murid mengikut partisipan dan sekolah (data daripada temu bual)	265
4.2	Ciri-ciri persediaan partisipan terhadap pengajaran KBAT(data daripada temu bual)	274
4.3	Bidang kemahiran partisipan dalam PSV (Sumber temu bual)	289
4.4	Tema prihatin bagi penerapan KBAT(Dapatan data mengikut jenis data melalui temu bual dan pemerhatian).	308





SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
2.1	Konsep pemikiran (Sumber: Ee Ah Meng, 1992, ms.145).	41
2.2	Kemahiran Pemikiran Kritikal. (Sumber: Kamaruddin Husin, 2003, ms. 41).	53
2.3	Kemahiran pemikiran kreatif (Sumber: Kamarudin Husin, 2003, ms. 51).	58
2.4	Fokus Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (Sumber: Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2014).	76
2.5	Unsur persekitaran pembelajaran KBAT (Sumber: Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2014).	78
2.6	Objektif mata pelajaran PSV (KSSM DSKP PSV Tingkatan 4 dan 5,	105
2.7	Aras-aras dalam Taksonomi Bloom (Anderson & Krathwohl, 2001)	116
2.8	Aras Taksonomi Bloom yang disemak semula Anderson (Sumber: Anderson dan Krathwohl (2001).	118
2.9	Hierarki Aras Berfikir (Sumber: Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2014, ms. 5)	118
2.10	Hierarki Pembelajaran Gagne (Sumber: Ahmad Subki & Syed Ismail, 2013, ms.98).	124
2.11	Ciri-ciri guru berkesan (Sumber: Phillips, 1997, p.127)	174
2.12	Kerangka konseptual kajian (Diubahsuai daripada Smith & Keith, 1971 dalam Miles & Huberman, 1994).	199
3.1	Proses dan prosedur kajian	224
3.3	Komponen analisis data kualitatif secara interaktif. Sumber: Miles & Huberman (1994, p.12)	243



3.4	Proses pengumpulan data dan analisis serentak sehingga mencapai tahap ketepuan (Sumber: Chua, 2014, ms.73)	244
3.5	Proses pengekodan menggunakan perisian Atlas.ti 8.0	246
3.6	Triangulasi data kajian (Sumber: Ghazali dan Sufean, 2016, ms. 445)	252
4.1	Tema-tema daripada tahap pengetahuan dalam penerapan KBAT	266
4.2	Subtema bagi pemahaman konsep KBAT	268
4.3	Ciri-ciri guru yang melaksanakan KBAT.	281
4.4	Ciri-ciri pengajaran KBAT	285
4.5	Tema daripada sikap guru terhadap pelaksanaan KBAT	293
4.6	Subtema bagi kekangan dalam penerapan KBAT	312
4.7	Subtema bagi cabaran dalam penerapan KBAT	315
4.8	Tema-tema daripada kaedah pengajaran dalam penerapan KBAT	320
4.9	Penerapan KBAT melalui kaedah perbincangan dan pembentangan secara berkumpulan bagi Partisipan 3 (In.3/P1/111017/(SMK3).	324
4.10	Kaedah penyelesaian masalah secara individu kepada para murid untuk menghasilkan karya rekaan mereka (In.4/P1/040718/(SMK4).	325
4.11	Kaedah pembentangan secara individu tentang karya yang dihasilkan oleh para murid (In.4/P1/040718/(SMK4).	326
4.12	Contoh hasil tugas berkumpulan bagi murid Partisipan 3.	342
4.13	Tugas berkumpulan dan sesi pembentangan hasil karya bagi Partisipan 5.	343
4.14	Tugas berkumpulan untuk menghasilkan satu roda warna bagi Partisipan 6.	343

4.15	Tema-tema daripada faktor-faktor mempengaruhi penerapan KBAT	356
5.1	Ciri-ciri utama penerapan KBAT dalam PdPc PSV.	384
5.2	Kaedah penerangan untuk memberi pengetahuan dan kefahaman kepada murid-murid (aras kefahaman).	395
5.3	Kaedah perbincangan dan pembentangan (aras aplikasi, analisis, menilai dan mencipta).	396
5.4	PdPc guru dalam penerapan KBAT PSV.	399
5.5	PdPc guru PSV menggunakan peralatan ICT.	400
5.6	Aktiviti-aktiviti murid-murid menghasilkan karya seni (aras mencipta).	401
5.7	Aktiviti pembentangan oleh murid-murid tentang karya seni mereka (aras penilaian)	404
5.8	Hasil karya seni murid-murid (aras menganalisis dan mencipta)	405
5.9	Ciri baru dalam komponen unsur persekitaran KBAT.	422

**SENARAI SINGKATAN**

&	dan
/	atau
ABM	Alat Bantu Mengajar
APC	Anugerah Perkhidmatan Cemerlang
BBM	Bahan Bantu Mengajar
BM	Bahasa Melayu
BI	Bahasa Inggeris
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
EMK	Elemen Merentas Kurikulum
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
GPSV	Guru Pendidikan Seni Visual
ICT	Information and Communication Technology (Teknologi Maklumat dan Komunikasi)
IPG	Institut Pendidikan Guru
JPN	Jabatan Pelajaran Negeri
JPNPP	Jabatan Pelajaran Negeri Pulau Pinang
KB	Kemahiran Berfikir
KBAR	Kemahiran Berfikir Aras Rendah
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KBKK	Kemahiran Berfikir secara Kritis dan Kreatif
KOMSAS	Komponen Sastera
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah





KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
PAK21	Pembelajaran Abad Ke-21
PBP	Pembelajaran Berasaskan Projek
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PdPc	Pengajaran dan Pemudahcaraan
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PT3	Pentaksiran Tingkatan Tiga
PSV	Pendidikan Seni Visual
RPH	Rancangan Pelajaran Harian
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia





SENARAI LAMPIRAN

- A Status Pelajar
- B Surat Pengesahan Pelajar Menjalankan Penyelidikan
- C Surat Permohonan Menjalankan Kajian
- D Protokol Kajian
- E Surat Kebenaran Partisipan
- F Maklumat Sekolah
- G Senarai Partisipan Kajian
- H1 Borang Panduan Temu Bual
- H2 Protokol Temu Bual
- I Transkripsi Temu Bual Merriam
- J Panduan Pemerhatian Guru
- K Borang Catatan Nota Lapangan-Pemerhatian Dokumen
- L Nota Lapangan
- M Laporan Pemerhatian





BAB 1

PENDAHULUAN

Bab ini secara keseluruhannya menghuraikan dan membincangkan secara terperinci tentang kajian yang meliputi latar belakang kajian berkaitan penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam bidang Pendidikan Seni Visual (PSV). Fokus perbincangan adalah masalah-masalah yang terdapat dalam pelaksanaan kemahiran ini, tujuan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, daftar istilah, batasan kajian dan sistematik atau struktur penulisan laporan organisasi bagi setiap bab.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kajian ini berkaitan amalan pedagogi guru-guru Pendidikan Seni Visual (PSV) yang berkaitan dengan penerapan pemikiran aras tinggi melalui falsafah, ilmu pengetahuan dan penerimaan guru. Pelbagai pendekatan, fahaman dan persepsi dalam konteks apresiasi guru terhadap kemahiran ini yang bermatlamatkan tujuan Pendidikan Seni Visual (PSV) di sekolah. Tambahan pula, penerapan kemahiran ini merupakan salah



satu fokus penting untuk memperkasakan dan membangunkan sistem pendidikan negara melalui PAK21 bagi persediaan generasi muda menyahut cabaran pada alaf baharu ini.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah merangka Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 dengan menstrukturkan enam aspirasi iaitu (i) pengetahuan, (ii) kemahiran berfikir, (iii) identiti nasional, (iv) kemahiran memimpin, (v) kemahiran dwibahasa, (vi) etika dan kerohanian yang diperlukan oleh setiap murid untuk berupaya bersaing di peringkat global. Daripada enam aspirasi yang dijelaskan ternyata kajian ini memberi fokus kepada kemahiran berfikir. Penguasaan kemahiran berfikir yang mantap dan berfokus memainkan peranan penting dalam melahirkan murid yang kreatif dan inovatif (Bahagian Pembangunan Kurikulum,

Kemahiran berfikir yang ditumpukan dalam KBAT merupakan trend perkembangan pendidikan pada masa ini yang sememangnya menuntut kemahiran tersebut. Penerapan KBAT dalam pendidikan menggunakan pendekatan secara komprehensif dan sistematik adalah melibatkan tujuh elemen KBAT yang terdiri daripada (i) Kurikulum, (ii) Pentaksiran, (iii) Pedagogi, (iv) Kokurikulum, (v) Sokongan Komuniti, (vi) Sokongan Swasta, (vii) Sumber dan Bina Upaya. Kesemua elemen ini untuk membudayakan KBAT dalam kalangan guru dan para murid (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2014).

KBAT diperkenalkan bertujuan untuk memperkasakan dan mengangkat martabat pendidikan negara. Kerajaan berhasrat supaya kualiti pendidikan kita

setanding dengan pendidikan global. KBAT diharapkan dapat melahirkan murid yang kreatif, berketerampilan dan berinovatif. Melalui KBAT, pemikiran para murid dapat dikembangkan supaya mempunyai daya saing di peringkat global. Hal ini sangat relevan dan sejajar dengan objektif Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI).

Pada dasarnya, kajian ini dijalankan untuk meneroka penerapan KBAT PSV di sekolah menengah. Secara keseluruhannya, kajian ini melibatkan guru-guru PSV. Kajian ini merangkumi proses pelaksanaan pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc), sikap guru-guru, kaedah dan strategi pengajaran, serta faktor-faktor yang mempengaruhi pelaksanaan pengajaran KBAT. Kajian ini juga bertepatan dengan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang berusaha menyebarkan penerapan PAK21 dan salah satunya adalah penerapan dan pelaksanaan elemen KBAT.

Profesion sebagai pendidik dalam bidang PSV telah membuka peluang dan memberi dorongan kepada pengkaji untuk meneroka keistimewaan kemahiran berfikir. Melalui aktiviti PdPc, pengkaji dapat melihat murid-murid menjana idea dalam mencipta karya-karya seni visual yang kreatif, estetik dan komersial nilainya. Hal ini kerana pembelajaran dan berfikir mempunyai hubungan yang sangat rapat. Sewaktu melakukan sesuatu, aktiviti mental berlaku seperti menganalisis, menilai dan mengenal pasti apa yang sedang dipelajari. Aktiviti menganalisis, menilai, mengenal pasti, menyelesaikan masalah, membuat keputusan dan menghasilkan idea kreatif adalah sebahagian daripada kemahiran berfikir. Oleh itu, kemahiran berfikir adalah sebahagian



aktiviti pembelajaran (Nasruddin Yunos, Abdul Salam Yussof & Mohammad Mohsin Mohammad Said, 2012).

Daripada aspek kerohanian, kemahiran berfikir juga sangat digalakkan dalam Islam. Oleh itu, manusia yang tidak menggunakan minda dan akalanya dikutuk oleh Allah S.W.T kerana kemahiran berfikir diberi pengiktirafan yang tinggi dalam Islam. Menurut Al-Quran, Islam adalah agama yang cintakan kemajuan dan pembangunan. Manusia disarankan untuk menggunakan akal fikiran dan kreativiti mereka untuk meningkatkan kemajuan diri dan mencapai taraf hidup yang baik, serta mampu berusaha bagi mencapai kemajuan dan kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat (Nasruddin Yunos et al., 2012).



bagi pembelajaran kerana kemahiran ini membantu guru dan murid-murid menyedari dan berupaya mengawal pemikiran mereka. Hal ini dapat dikaitkan dengan meningkatnya motivasi, kesediaan menghadapi risiko, meningkat harga diri dan sifat berdikari.

Berfikir dapat dikaitkan dengan proses mental. Walaupun manusia sentiasa berfikir untuk menjalankan semua aktiviti tetapi berfikir secara kritis dan kreatif membawa perbezaan yang ketara. Sememangnya setiap hari manusia perlu berfikir dalam melalui kehidupan seharian. Pemikiran dikatakan proses mental yang aktif seterusnya boleh mengaplikasikan pengetahuan sedia ada kepada pengetahuan baharu dan menumpukan pengalaman sama ada untuk penambahan ilmu, menyelesaikan masalah, atau membuat keputusan, memahami, merancang, membuat tindakan dan





menilai berbantuan kemahiran-kemahiran tertentu dan tabiat berfikir (Edward de Bono, 1991; Esah Sulaiman, 2003; Ee Ah Meng, 2006; Maria Salih, 2013).

Dalam konteks pendidikan di Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkasakan dua kategori utama kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis sebagai model kemahiran berfikir. Kedua-dua kemahiran berfikir ini digalakkan untuk para murid menggunakan proses pemikiran yang lebih rumit atau dipanggil strategi berfikir iaitu membuat keputusan, menyelesaikan masalah dan mengkonsepsi sesuatu yang telah mereka pelajari dan pada masa akan datang, corak peperiksaan di sekolah-sekolah di Malaysia memerlukan para murid mengaplikasikan kemahiran berfikir dan kemahiran belajar untuk memastikan kejayaan mereka (Maria Salih, 2013; Mohd Nashuha Jamidin, 1995).



Selain itu, cara bagaimana seorang murid berfikir memberi kesan langsung dalam kepantasan, keberkesanan dan cara pembelajarannya daripada aspek pendidikan. Hal ini jelas terdapat dalam kajian yang memaparkan bahawa murid yang dilatih berfikir menunjukkan kesan yang positif dalam proses pembelajaran berbanding dengan murid yang tiada diberikan latihan berfikir. Di samping itu, kemahiran berfikir dilihat mampu meningkatkan penguasaan pengetahuan yang telah dipelajari oleh para murid. Sekiranya pemikiran murid dicabar dan penggunaan minda mereka secara optimum, tahap kefahaman mereka tentang apa yang dipelajari dapat dipertingkatkan dan lebih jelas (Nasruddin Yunos et al., 2012).

Rahil Mahyuddin, Zaidatul Akmaliah Lope Pihie, Habibah Elias dan Mohd Majid Konting (2004) menjelaskan senario di Malaysia, perubahan pesat berlaku



terutamanya dalam sektor teknikal dan perindustrian, adalah penting bahawa kemahiran berfikir harus dijadikan matlamat pendidikan kerana murid-murid dapat dilatih untuk memahami maklumat baru dan bukan hanya memperoleh pengetahuan. Oleh itu, tanggungjawab terletak pada pendidikan untuk murid-murid dilatih untuk berfikir secara kritis dan kreatif.

Kemahiran Berfikir secara Kritis dan Kreatif (KBKK) telah diperkenalkan terlebih dahulu dalam sistem pengajaran dan pembelajaran di negara kita. Pengajaran dan pembelajaran KBKK dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) adalah bertepatan dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) untuk melahirkan insan yang seimbang dari segi intelek dan sahsiah. Oleh itu, mereka harus menilai, mengkritik, mengubah suai dan membina semula pemahaman mereka secara aktif dalam pemikiran mereka untuk meningkatkan tahap pengetahuan mereka. Oleh itu, penguasaan yang baik dalam KBKK dapat menggalakkan pembelajaran berdaya fikir kepada para murid (Poh, 2000).

Menurut Esah Sulaiman (2003), Kemahiran Berfikir secara Kritis dan Kreatif (KBKK) telah lama diaplikasikan dalam sistem pendidikan. Sistem pendidikan dapat menyediakan generasi kini untuk menghadapi kehidupan yang mencabar dalam dunia yang berteknologi tinggi dan kepelbagaian budaya. Kepentingan menguasai KBKK adalah untuk mengelakkan kesilapan berfikir, meningkatkan pemikiran kritis dan kreatif, memperkembangkan minda yang intelek dan memupuk pembelajaran berdaya fikir. KBKK ini adalah melibatkan proses berfikir yang berkualiti. Kemahiran ini adalah saling menyokong antara satu sama lain kerana semua pemikiran kita merangkumi aspek kritis dan juga kreatif.



Namun begitu, sistem pendidikan negara telah mengalami anjakan dan transformasi pendidikan iaitu perubahan yang selaras dengan perkembangan pendidikan global. Sepanjang tahun 2014, KPM melaksanakan beberapa inisiatif utama yang dirangka di bawah gelombang pertama, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, Program Transformasi Daerah, Program Literasi dan Numerasi (LINUS), KBAT, Penguasaan Bahasa Inggeris, Pengukuhan Kurikulum Pendidikan Islam, dan Pendidikan Moral serta Piagam Guru dan Pemimpin Sekolah ternyata telah menampakkan kesan dan berjaya mencapai Petunjuk Pencapaian Utama (KPI) yang telah ditetapkan. Selain itu, proses penyediaan PPPM (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 juga berjalan dengan lancar (Muhyiddin Mohd Yassin, 2015)



penting ini dalam gelombang pertama PPPM 2013-2025 adalah termasuk memperkasakan guru dan pemimpin sekolah, menerapkan KBAT dan meningkatkan kemahiran berbahasa. Oleh itu, salah satu kemahiran yang perlu dikuasai oleh para murid pada alaf milenium ini ialah KBAT. KBAT diperkenalkan untuk menghadapi cabaran globalisasi bagi pendidikan pada abad ke-21. Kurikulum pada abad ke-21 juga dibentuk agar lebih selaras dengan aliran pembangunan dan kemajuan teknologi. Tambahan pula, relevan dengan persekitaran pendidikan semasa dengan menekankan penggunaan KBAT dan kemahiran kreatif yang berdasarkan futuristik, fleksibel dan dinamik.

Peranan guru dan pihak sekolah sebagai agen pendidikan bercorak milenium pada abad ini bagi merealisasikan hasrat yang terkandung dalam Pelan Pembangunan



Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) iaitu memperkembangkan potensi individu melalui sistem pentaksiran pusat. Transformasi pendidikan berlaku apabila Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) mula diperkenalkan menggantikan Penilaian Menengah Rendah (PMR) yang menekankan penilaian pengajaran dan pembelajaran secara holistik.

Pada asasnya, sejak 20 tahun yang lalu, kemahiran berfikir telah diperkenalkan secara ilmiah melalui KBKK. Oleh itu, setelah lebih dua abad, kemahiran berfikir diketengahkan kembali dengan perubahan melalui penjenamaan semula daripada KBKK kepada KBAT (Zaharah Hussin, Ahmad Arifin Sapar, Saedah Siraj & Nurul Husna Hasan, 2014). Selain itu, bagi warga pendidik pula KBAT adalah proses lanjutan daripada amalan pengajaran dan pembelajaran KBKK yang telah diperkenalkan pada tahun 1994.

Pengenalan KBAT daripada pengubahsuaian KBKK yang diperkasakan adalah merupakan satu agenda perdana dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2015) (PPPM) untuk tempoh 13 tahun akan datang (Buletin Anjakan, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, Mac, 2015). Oleh itu, soalan KBAT adalah rentetan atau lanjutan daripada soalan KBKK yang telah lama dilaksanakan. Soalan KBAT lebih menumpukan pemikiran pada aras tinggi para murid dan berfikir di luar kotak. Hal ini penting kerana pelaksanaan KBAT adalah selari dengan tuntutan kualiti keberhasilan dan kemenjadian para murid.

KBAT merupakan proses pemikiran yang dianggap sebagai satu bentuk cabaran baharu. Seseorang yang memiliki kemahiran berfikir adalah apabila dia dapat



membuat interpretasi, menganalisis, memanipulasi maklumat dan menyelesaikan sesuatu masalah kerana kemungkinan soalan itu perlu dijawab dan masalah yang akan diselesaikan itu tidak dapat diuraikan dengan cara atau kaedah biasa atau melalui pengetahuan yang telah dipelajari atau pengetahuan sedia ada (Rajendran, 2013). Oleh itu, untuk membolehkan para murid berfikir secara kritikal, inovatif dan kreatif, guru-guru perlu terlebih dahulu dilatih untuk memahami maksud kemahiran berfikir itu dan didedahkan dengan pelbagai kategori KBAT (menerangkan, menganalisis, memberi pendapat, membuat keputusan, menyelesaikan masalah dan membuat perancangan). Kemahiran Berfikir Aras Rendah (KBAR) pula adalah proses tidak berfikir secara mendalam dan lebih mudah (Rahil Mahyuddin et al., 2004).

KBAT adalah proses kemahiran berfikir yang memerlukan pelbagai cara, kaedah dan membuat keputusan. Konsep KBAT berupaya melahirkan generasi yang mempunyai pemikiran kritikal dan kreatif. Oleh itu, KBAT bersifat pemikiran yang mendalam dan kreatif. Dalam konteks PdPc PSV, kemahiran ini sangat perlu diaplikasikan untuk mengembangkan bakat dan kreativiti para murid dalam penghasilan produk dan apresiasi seni. PdPc PSV yang diajar oleh guru-guru PSV khususnya dapat membina kecemerlangan dalam penciptaan karya yang tinggi melalui garapan pemikiran yang mengalami proses penerapan KBAT kepada para murid.

Pelaksanaan KBAT dalam mata pelajaran PSV merupakan satu disiplin ilmu yang merentas kurikulum dengan melibatkan proses kreatif dan kognitif. Penghasilan karya seni pula dapat memperkembangkan pemikiran. Hal ini demikian kerana aspek kognitif memerlukan penggunaan akal fikiran yakni daya fikir untuk mencipta idea-idea baharu kerana PSV adalah berkaitan dengan perkembangan ilmu pengetahuan.





Oleh itu, usaha-usaha telah dilakukan untuk meningkatkan kecemerlangan guru-guru seni dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran PSV.

Pada suatu ketika dahulu, para murid yang mengambil mata pelajaran PSV hanya difokuskan latihan melukis sahaja tetapi pada hari ini, para murid telah didedahkan dan digalakkan belajar dengan cara memperkembangkan kedua-dua bahagian otak kiri dan otak kanan dan berfikir secara analitikal dan kreatif (Abdul Shukor Hashim, 1997).

Penerapan KBAT dalam sistem pendidikan kini adalah untuk memenuhi keperluan pendidikan pada masa depan seiring dengan anjakan pemikiran di peringkat global. Hal ini penting kerana walaupun banyak pendedahan kepada guru-guru melalui sistem atas talian (*online*) atau di luar talian (*offline*) tetapi pelaksanaannya berbeza-beza mengikut tahap pengetahuan, kefahaman, keupayaan dan kesediaan guru masing-masing. Hal ini disebabkan oleh pelbagai faktor tertentu yang mempengaruhinya. Salah satu faktornya seperti sikap guru, sikap murid dan peranan pentadbir dalam proses penerimaan pelaksanaan KBAT di sekolah menengah.

Kajian terhadap guru-guru PSV (GPSV) amat perlu untuk melihat permasalahan yang dihadapi dalam usaha penerapan KBAT dalam mata pelajaran PSV di Malaysia secara umumnya. Oleh itu, kajian yang mendalam perlu dilaksanakan untuk menghasilkan satu panduan umum untuk dijadikan penanda aras profesionalisme GPSV.





1.3 Penyataan Masalah

Peranan guru dalam menerapkan KBAT sangat signifikan dalam mengembangkan minda untuk menggarap budaya intelektual para murid bagi memenuhi cabaran pada masa depan (Rajendran, 2017). Oleh itu, kejayaan sesuatu pengajaran banyak bergantung kepada faktor utama iaitu pengetahuan seseorang guru itu menerapkan KBAT dalam aktiviti PdPc agar menjadi lebih menarik dan berkesan. Persoalannya, guru-guru disyorkan untuk mengajarkan KBAT sedangkan konsep dan pelaksanaan KBAT masih baharu dalam kalangan mereka.

Guru-guru kurang pengetahuan terhadap proses pelaksanaan KBAT dan menjadikan mereka kurang keyakinan untuk mengajarkan KBAT. Mengapakah guru-guru kurang ilmu pengetahuan tentang KBAT? Adakah ini merupakan konsep-konsep baharu yang mereka dengar? Perkara ini terjadi kerana penyampaian tentang KBAT secara tidak menyeluruh. Masalah kurang penyampaian maklumat kepada guru-guru menjadikan guru-guru kurang pengetahuan tentang cara-cara untuk melaksanakan konsep pengajaran berasaskan KBAT kerana pendedahan yang diberikan kepada mereka secara tidak menyeluruh, komprehensif dan konsisten (Nooriza Kassim & Effandi Zakaria, 2015).

Berdasarkan pada laporan kajian keperluan oleh Perunding *Kestrel Education (UK)* dan *21st Century Schools (USA)* yang dibentangkan pada 2 November 2011 mendapati pemikiran aras tinggi dalam kalangan guru dan murid di Malaysia masih di tahap rendah seperti dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Nor Hasmaliza Hassan & Zamri Mahamod, 2016). Penyataan ini dibuktikan lagi melalui





temu bual bersama-sama Md Nasir Ibrahim (2015) yang telahpun menjalankan kajian terhadap pelaksanaan KBAT dan beliau menjelaskan kebanyakan guru sekolah menengah di Malaysia tidak memahami pelaksanaan penerapan KBAT dan ramai guru yang masih kabur bagaimana cara untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti berunsurkan KBAT. Beliau menjelaskan tentang maklum balas daripada pengetua-pengetua sekolah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan menyatakan kebanyakan Jemaah Nazir Sekolah yang memantau di sekolah-sekolah hanya memfokuskan penggubalan soalan pentaksiran sahaja tetapi sebenarnya mereka perlu melihat aspek pelaksanaan KBAT di dalam bilik darjah.

Selain itu, guru-guru kurang pendedahan secara khusus dan terperinci tentang kaedah pengajaran KBAT walaupun terdapat kursus-kursus dan bengkel-bengkel yang telahpun dilaksanakan. Hal yang sedemikian disebabkan kursus atau bengkel yang dijalankan adalah secara berperingkat-peringkat tentang pendedahan dan pengetahuan terhadap KBAT. Pendedahan berperingkat daripada pihak Jurulatih Utama (JU) kepada pentadbir sekolah dan guru-guru. Oleh itu, dalam situasi ini jelas berlaku pengurangan penyampaian dalam ilmu itu secara tidak langsung. Kursus atau bengkel yang dilakukan hanya memfokuskan kepada pihak pentadbir atau guru-guru kanan sahaja dan perlu disampaikan pula kepada guru-guru di sekolah. Hal ini terbukti melalui temu bual dengan beberapa orang guru PSV dalam kajian pralapangan (rintis) yang telah dijalankan di sebuah sekolah menengah.

Partisipan pertama kajian pralapangan yang menyatakan beliau tidak pernah menghadiri kursus KBAT dan tidak mendapat pendedahan tentang KBAT. Partisipan ini menyatakan:



“Tak pernah.....Setahu saya untuk dipanggil berkursus secara umum untuk mata pelajaran teras, untuk GK, dan PK dan mereka kena buat kursus dalaman. Secara tak langsung, cikgu-cikgu telah didedahkan dengan KBAT. Pendedahan bukan dalam istilah KBAT, kursus konseptual ‘learning’, kursus carta aliran, kursus untuk sekarang ini yang dipanggil KBAT tiada, biasanya dipanggil khas untuk mata pelajaran teras”
(TB1/In.1/51015/SMK1/KP).

Perkara yang sama turut diketengahkan oleh partisipan kedua kajian pralapanan yang menyatakan beliau juga tidak pernah menghadiri kursus KBAT dan tidak didedahkan cara mengaplikasikan pengajaran KBAT secara khusus dan beliau mengaplikasikan KBAT secara tidak sepenuhnya dan berdasarkan pengetahuan sedia ada. Partisipan kedua menjelaskan:

“Buat masa ini, tidak dihantar lagi.tidak pernah hadiri lagi”.”Bagi saya, bila kita dibuat KBAT di sekolah, sebenarnya semua guru terpaksa mempelajari, kena bersedia mengajar KBAT dan tahu KBAT, konsep rasional dan sebagainya. Secara tidak langsung, semua guru kena belajar bagaimana untuk mengapikasi dalam PdP masing-masing. Nak tak nak cikgu kena cuba ‘*apply*’ walaupun tidak kursus dan sebagainya”.
“Maksudnya, jika ada bab tertentu, kita cuba aplikasikan bagi murid benda tu baru kita pun baru. Kita cuba sebab kita tak tahu objektif . Kita tak tahu dan tak ada pendedahan buat berdasarkan pengetahuan sedia ada. Kita tidak ‘*apply*’ sepenuhnya”
(TB1/In.2/171015/SMK1/KP)

Vijayaletmy Muniyandy dan Selvam Narayanasamy (2015) telah menjelaskan pelaksanaan KBAT di sekolah-sekolah bukan sahaja tidak diberi tumpuan seperti mana yang diunjur oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), malah guru-guru juga di kebanyakan sekolah masih tidak diberi pendedahan yang sepenuhnya dan relevannya terhadap konsep KBAT. Perkara ini dibuktikan lagi oleh Nooriza Kassim dan Effandi (2015) yang menyatakan input kursus kurang memberi penekanan kepada aplikasi Taksonomi Bloom Semakan Semula (Anderson dan Krathwohl, 2001) serta faktor tidak



berpeluang menghadiri kursus juga merupakan faktor terhakisnya pengetahuan tentang taksonomi ini. Situasi menunjukkan guru-guru perlu kepada asas KBAT ini yang dikatakan suatu idea pendidikan yang baharu dilaksanakan. Namun, golongan guru ini perlu didedahkan kerelevanan KBAT dalam PAK21 ini. Keadaan ini perlu kepada perubahan agar selari dengan hasrat KPM untuk meningkatkan kemahiran menyelesaikan masalah dalam kalangan murid. Hal yang demikian ini sangat memerlukan guru-guru memiliki tahap pengetahuan yang mendalam untuk melaksanakan PdPc berasaskan KBAT.

Pengajaran berunsurkan KBAT memerlukan para murid berfikir di luar kotak secara kritis dan kreatif serta melibatkan pemikiran intelek yang tinggi. Namun begitu, segelintir guru mengekalkan kaedah tradisional dan berpusatkan guru semasa penyampaian ilmu di dalam kelas. Guru hanya menjadi agen penyampai kepada pengetahuan dengan cara mengekalkan Kemahiran Berfikir Aras Rendah (KBAR) seperti menekankan tahap mengingat dan memahami. Keberkesanan pengajaran guru bergantung kepada kemahiran berkomunikasi guru menyampaikan ilmu pengetahuan dengan cara lebih berkesan. Kemahiran berkomunikasi dan penggunaan buku teks adalah penting sebagai panduan dan rujukan tetapi bagaimana pengaplikasian buku teks melalui aktiviti yang sesuai untuk menerapkan KBAT dalam kalangan murid dan cara-cara berkomunikasi dalam memberi arahan bagi pembelajaran berpusatkan murid. Oleh itu, kebanyakan guru hanya menyampaikan ilmu yang terdapat dalam buku teks dengan cara berpusatkan guru semata-mata.





Vijayaletmy Muniyandy dan Selvam Narayanasamy (2015) menyarankan Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) pula harus menetapkan syarat kepada semua penerbit buku teks, buku kerja dan sumber pendidikan lain supaya mematuhi kriteria pengajaran berdasarkan KBAT yang betul supaya bahan tersebut boleh dijadikan panduan dan rujukan lengkap kepada guru-guru di negara ini. Guru-guru sukar melakukan anjakan paradigma kerana kurang persediaan dengan perkembangan arus perdana pendidikan. Hal ini menunjukkan sejauh mana sikap guru memberi komitmen terhadap program KBAT yang telah diperkenalkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Nik Nor Ahmarizam Nik Ahmad (2015) menyatakan paparan berita yang bertajuk “Saya bosan dengan cara cikgu mengajar” yang disiarkan dalam akhbar pada 9 Mac 2014 amat menyentuh hati nurani para guru yang telah banyak berkorban untuk menabur bakti dalam dunia pendidikan. Kebanyakan pembaca setia akhbar itu yang merupakan ibu bapa murid terbabit mungkin terkena tempiasnya yang turut berasa terkilan. Fokus utamanya yang jelas adalah pengajaran guru yang tidak menarik menyebabkan para murid mudah bosan dan mengambil keputusan untuk ponteng sekolah. Keadaan ini menyebabkan guru-guru perlu mencari alternatif atau jalan terbaik dengan memikirkan pelbagai pendekatan, kaedah, strategi dan teknik pengajaran yang baharu agar para murid era pascamerdeka kini lebih berminat dalam menguasai mata pelajaran tersebut dan menyukai akan guru sekali gus pengajaran guru. Oleh yang demikian, kaedah pengajaran guru perlu disesuaikan dengan pengajaran terkini yang telah mengalami pelbagai transformasi. Hal ini disokong oleh Iberahim Hassan, Hassan Mohd Ghazali dan Jamilah Omar (2006) yang menjelaskan dalam pengajaran PSV di sekolah, kebanyakan guru masih menggunakan kaedah lama seperti kaedah carta, slaid, *overhead projector* dan merujuk buku teks dan buku rujukan.





Selain itu, pelbagai pengubahsuaian dan keadaan bilik darjah yang berfleksibiliti amat perlu bagi menjamin keselesaan dan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran KBAT. Hal ini membolehkan kedudukan murid-murid menjadi mudah untuk melakukan aktiviti dalam kumpulan, mudah untuk berkolaborasi dan berinteraksi dalam dua hala antara guru dengan murid atau murid sesama murid (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2014). Collins (2014) menyatakan sesuatu yang sukar untuk dibayangkan jika pimpinan sekolah dan guru tidak sedar tentang kepentingan KBAT untuk menyediakan golongan muda dalam menghadapi cabaran kehidupan pada abad ke-21. Guru tidak hanya mengajar bahasa dan konsep tetapi memberitahu murid cara untuk melakukan sesuatu dan kenapa KBAT sangat bersesuaian untuk mereka menyelesaikan masalah di sekolah atau dalam kehidupan.



pelaksanaan guru untuk menerapkan KBAT. Guru-guru masih lagi menekankan kaedah pengajaran berasaskan peperiksaan dan pentaksiran semata-mata. Oleh itu, guru-guru hanya tertumpu kepada soalan-soalan yang beraras rendah. Keadaan ini menjadikan para murid banyak menghafal untuk peperiksaan. Dalam hal yang sebenar, amalan pengajaran dan pemudahcaraan secara praktis ini benar-benar berfokus peperiksaan dan guru-guru lebih mengejar untuk menghabiskan sukatan pelajaran bagi menyediakan murid menghadapi persediaan peperiksaan. Pengajaran menjadi kurang menekankan aspek KBAT, malah hanya tertumpu kepada pemikiran aras rendah serta kaedah menghafal. Perkara ini terbukti melalui kajian Rajendran (2001a) tentang pengajaran KBAT di Malaysia yang menyatakan dalam pengajaran pembelajaran dalam bilik darjah di mana hanya 10 peratus soalan yang dikemukakan dalam bacaan dan kefahaman oleh guru-guru adalah pada aras tinggi. Hal ini bermakna, 90 peratus



daripada soalan yang dikemukakan adalah pada aras rendah. Keadaan yang sama juga dapat dilihat dalam soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan oleh guru-guru di bilik-bilik darjah ini. Walaupun dapatan kajian menunjukkan soalan aras tinggi dapat menghasilkan proses berfikir aras tinggi di kalangan murid, 90 peratus soalan yang dikemukakan oleh guru-guru ini adalah pada aras rendah. Situasi ini jelas menampakkan guru-guru menyesuaikan soalan aras rendah ini dengan kemampuan dan kebolehpayaan para murid itu sendiri. Keadaan ini membawa beberapa implikasi kepada proses pengajaran pembelajaran di bilik darjah.

Zamri Mahamod dan Nor Razah Lim (2011) pula mendapati guru-guru kerap menggunakan soalan aras kognitif Bloom. Soalan yang menguji tahap pengetahuan dan kefahaman lebih banyak digunakan seperti yang ditemui oleh pengkaji. Kekkerapan guru menggunakan aras soalan pengetahuan dan kefahaman memberi kesan yang positif kepada guru dan murid. Antaranya ialah pengajaran guru menjadi aktif kerana murid diuji dengan soalan yang menguji ingatan mereka terhadap pelajaran yang lepas atau jawapan boleh dirujuk di dalam buku dan guru pula dapat membantu murid mengingat fakta yang telah dibincangkan. Murid kurang diberi peluang untuk berfikir kerana guru lebih suka menggunakan aras penyoalan rendah. Dapatan kajian juga menunjukkan wujud hubungan di antara tempoh pengalaman mengajar guru dalam penggunaan penyoalan di dalam bilik darjah.

Dasar Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memperkasakan KBAT agar dapat membina generasi yang berfikiran aras tinggi. Namun begitu, sekiranya guru-guru tidak memahami penerapan KBAT dan bagaimana cara pelaksanaannya di sekolah, keadaan ini mempengaruhi gaya pengajaran dan seterusnya memberi impak



yang besar dalam tranformasi pendidikan negara. Cara pelaksanaan KBAT memerlukan aktiviti-aktiviti yang dapat membina dan mencapah pemikiran aras tinggi para murid seperti penyelesaian masalah, penaakulan, menganalisis dan membina sesuatu. Adakah pelaksanaan penerapan KBAT di sekolah selari atau tidak dengan dasar dan kehendak yang dihasratkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini dilaksanakan untuk meneroka penerapan KBAT dalam PdPc PSV dalam kalangan guru PSV yang berpengalaman. Penerokaan ini meliputi aspek-aspek pengetahuan guru-guru PSV, persekitaran dan amalan praktis mereka. Pengkaji ingin memahami dengan jelas tentang fenomena KBAT dan amalan penerapannya dalam kalangan guru ini.

1.5 Objektif Kajian

Berdasarkan tujuan tersebut, pengkaji ingin mendapatkan maklumat yang dapat menyumbang kepada empat objektif utama seperti berikut iaitu:

1. Menilai tahap pengetahuan guru-guru PSV terhadap KBAT.
2. Memahami sikap guru terhadap penerimaan KBAT dalam pelaksanaan PdPc.
3. Mencerakin kaedah yang diamalkan oleh guru-guru PSV dalam pelaksanaan penerapan KBAT.



4. Mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi pelaksanaan penerapan KBAT.

1.6 Persoalan Kajian

Secara umumnya, kajian ini cuba mencari jawapan bagi persoalan yang berikut:

- i) Apakah tahap pengetahuan guru-guru PSV terhadap KBAT?
- ii) Bagaimanakah sikap guru-guru PSV terhadap penerimaan pelaksanaan KBAT?
- iii) Bagaimanakah guru-guru PSV melaksanakan KBAT dalam PdPc mereka?
- iv) Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pelaksanaan KBAT dalam PSV?

Dalam persoalan kajian ini, pengkaji akan menyatakan dan menghuraikan beberapa perkara yang berkaitan dengan 'apa' dan 'bagaimana'. Persoalan ini akan dikupas untuk melihat fenomena KBAT dalam PdPc PSV di sekolah menengah.

Secara umumnya, setelah pengkaji memahami dan menganalisis penerapan KBAT dalam kalangan guru, pengkaji mengenal pasti tahap pengetahuan guru-guru PSV terhadap elemen-elemen dan ciri-ciri PdPc berasaskan KBAT. Seterusnya, tahap pengetahuan guru dapat memberi impak terhadap penerapan KBAT dalam PSV dengan berkesan.

Selain itu, pengkaji juga memfokuskan kepada persoalan tentang sikap guru-guru untuk melaksanakan pengajaran KBAT. Pengkaji akan mendekati dan mendalami sikap guru terhadap penerimaan mereka dan cara mereka menerapkan aras pemikiran dalam KBAT melalui amalan praktis mereka sehari-harian. Di samping itu, pengkaji

juga ingin mengkaji dan mengenal pasti pendekatan dan kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru-guru dalam proses penerapan KBAT. Setelah mengkaji menganalisis penerapan KBAT, dari segi pengetahuan, sikap dan kaedah pelaksanaannya, pengkaji menjelaskan faktor-faktor yang saling berkait dalam mempengaruhi pelaksanaan KBAT dalam mata pelajaran PSV di sekolah menengah.

Berdasarkan hasil dapatan kajian, pengkaji yakin bahawa hasil kajian ini akan dapat membina satu kerangka konsep yang boleh digunakan oleh guru-guru secara umumnya dan guru-guru PSV secara khususnya untuk menjadi sumber guru-guru yang kreatif dan inovatif dalam proses melaksanakan PdPc kepada generasi kini untuk membentuk pemikiran aras tinggi dalam PSV.

1.7 Kepentingan Kajian

Setiap kajian yang dilaksanakan oleh pelbagai pihak mempunyai signifikannya yang tersendiri sama ada kepada pengkaji atau pihak-pihak yang terbabit. Oleh itu, dengan adanya kajian ini iaitu pelaksanaan KBAT dalam kalangan pendidik PSV diharap dapat memberi manfaat kepada semua pihak seperti pihak pentadbir seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan pihak sekolah, Institut Pendidikan Guru (IPG), guru-guru, bakal-bakal guru dan para murid.

1.7.1 Kepentingan Kepada Pengkaji

Kajian ini bertujuan untuk meneroka pengetahuan guru dalam proses penerapan KBAT melalui mata pelajaran PSV di sekolah menengah. Pengetahuan, kefahaman dan kaedah pelaksanaan PdPc guru-guru ini dapat memberi gambaran kepada pengkaji dalam menghasilkan satu kerangka konsep yang dapat dijadikan panduan bagi pelaksanaan KBAT kepada guru-guru PSV secara amnya dengan menyokong persekitaran pembelajaran berunsurkan KBAT.

Pengkaji ingin mendalami proses pengajaran oleh guru-guru PSV dalam menerapkan KBAT melalui pengintegrasian aras KBAT dan kaedah-kaedah yang dilaksanakan yang mampu menarik minat murid untuk menghasilkan karya seni yang lebih membolehkan mereka berfikir, menganalisis dan mencipta sesuatu yang baharu berdasarkan idea mereka sendiri. Seterusnya, dapat mengetahui fenomena sebenar yang berlaku di sekolah dalam usaha penerapan KBAT yang ingin diperkasakan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) (Rosnani Hashim, 2013).

Selain itu, pengkaji dapat melihat secara terperinci kolaborasi antara guru dengan murid atau antara murid dengan murid untuk menghasilkan sesuatu projek seni bagi meningkatkan pengetahuan sedia ada murid itu sendiri dalam bidang seni (Md Nasir & Nurulhuda, 2013). Maklumat-maklumat berkaitan kajian ini menjadi signifikan kepada pengkaji untuk merangka satu kerangka panduan bagi cadangan untuk penerapan KBAT dalam PdPc PSV oleh guru-guru PSV di sekolah menengah.

1.7.2 Kepentingan Kepada Pihak Pentadbir (KPM, JPN, PPD dan Sekolah)

Kajian ini berkaitan dengan maklumat-maklumat tentang panduan dan kaedah pelaksanaan KBAT yang meliputi pelbagai sumber seperti kajian dari dalam negara atau luar negara. Kesemua sumber ini melibatkan individu, organisasi atau kumpulan pengkaji. Maklumat ini boleh dijadikan panduan dan rujukan untuk pihak pentadbir seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan pihak sekolah untuk merangka kursus-kursus atau bengkel-bengkel profesionalisme keguruan kepada guru-guru atau bakal-bakal guru. Hal ini tentulah dapat mendorong dan menggalakkan guru-guru mengaplikasikan KBAT dengan cara yang sistematik. Seterusnya, dapat meningkatkan dan memantapkan pengetahuan dan kefahaman pedagogi guru-guru dalam pelaksanaan KBAT di sekolah.

Pihak pentadbir sekolah juga boleh mendapat maklum balas untuk mempelbagaikan kursus atau latihan dalam perkhidmatan (LADAP) serta memberi taklimat atau penerangan kepada guru-guru tentang penerapan KBAT dalam amalan praktis mereka. Pendedahan ini dapat membantu guru-guru menambah pengetahuan dan pengalaman mereka bersesuaian dengan PdPc PAK21. Pihak pentadbir boleh bekerjasama dengan guru-guru PSV untuk mendapat penjelasan lanjut tentang kaedah terbaik penerapan KBAT dalam aspek mata pelajaran yang lain.

Keperluan perhatian dalam melahirkan dan menyediakan sumber tenaga pengajar yang berkemahiran dalam PAK21 terutamanya memfokuskan KBAT oleh pelbagai pihak khususnya pihak pentadbir sekolah, pihak PPD, pihak JPN dan pihak

KPM termasuk pihak Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK) untuk meneliti dan membuat tindakan penambahbaikan dari segi menyediakan pelbagai kursus yang relevan dan signifikan dengan tenaga pendidik untuk memantapkan lagi PdPc yang menerapkan KBAT pada masa ini sehingga pada masa depan.

Selain itu, pihak KPM boleh menumpukan dalam proses membuat penilaian secara holistik tentang tahap keberkesanan penerapan KBAT dalam semua mata pelajaran yang telah diperkenalkan mulai 2013 hingga kini. Penilaian ini merangkumi pelbagai segi dan aspek serta cadangan untuk memperkenalkan program-program alternatif yang lain untuk membantu guru-guru melaksanakan KBAT di sekolah. Hal ini dapat memberi gambaran dan membantu KPM merangka, merancang dan membina program-program yang bersesuaian bagi membantu pihak pelaksana dan kumpulan profesional ini untuk menjayakan dasar-dasar KPM sehingga pada masa akan datang.

1.7.3 Kepentingan Kepada Para Guru dan Bakal-Bakal Guru

Kajian ini memaparkan pelbagai maklumat berkenaan KBAT termasuk latar belakang, elemen, aras pemikiran dan pelaksanaan KBAT di dalam bilik darjah. Pembacaan dan penelitian daripada kajian-kajian lepas menjadikan maklumat tersebut mempunyai kepentingan kepada guru-guru dan bakal-bakal guru untuk dijadikan panduan dan menambah pengetahuan sedia ada mereka. Dengan adanya maklumat ini diharapkan guru-guru dapat menjalankan PdPc yang berkesan dalam usaha menerapkan KBAT, berupaya menjelaskan asas kefahaman dalam seni dan menjana perkembangan ilmu. Di samping itu, penerapan KBAT menerusi pengetahuan dan kemahiran guru dapat membentuk suasana pembelajaran yang positif dan persekitaran yang kondusif. Kepentingan memperkembangkan ilmu dan mengangkat martabat PSV itu sendiri



dalam kalangan warga pendidik dilihat lebih jelas dan berfokus dalam usaha merintis satu keperluan yang berkesan untuk keperluan pembangunan pendidikan anak bangsa.

Guru-guru berpengalaman boleh dijadikan rujukan untuk meningkatkan martabat PSV itu sendiri di sekolah-sekolah dalam usaha ke arah melahirkan ramai murid yang berdaya saing dan berkebolehan mencipta. Guru-guru PSV dijadikan model atau input yang berguna kepada guru-guru sama ada guru penolong, guru terlatih atau guru pelatih dalam meningkatkan amalan mengaplikasikan kaedah dalam pedagogi PdPc untuk menerapkan KBAT. Justeru, keadaan ini dapat menarik minat para murid dan dapat memberi motivasi yang tinggi kepada para murid. Guru-guru boleh merujuk sebagai garis panduan untuk merancang, menghasilkan dan mengamalkan PdPc yang berkesan, kreatif dan berinovatif.



Dapatan kajian ini dapat dimanfaatkan untuk menyakinkan guru-guru dan bakal-bakal guru untuk mengaplikasikan KBAT dalam bilik darjah dengan menekankan pelbagai kaedah dan strategi yang berkesan melalui integrasi pelbagai bahan dan teknologi terkini. Hal ini kerana KBAT adalah langkah untuk mengupayakan para murid untuk mampu berfikir bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan dan penaaakulan yang melibatkan pelbagai keadaan dan situasi semasa sama ada di sekolah atau luar sekolah (Collins, 2014; Rajendran, 2017) untuk membantu murid mencapai tugas yang memerlukan pemikiran aras yang lebih tinggi secara umum (Miri, Ben-Chaim & Uri, 2007).



1.8 Definisi Istilah

Definisi istilah adalah amat penting dalam sesuatu kajian bagi menjelaskan maksudnya. Oleh itu, terdapat beberapa istilah yang digunakan dalam kajian ini untuk merungkaikan maksud terhadap pernyataan-pernyataan tersebut. Pernyataan-pernyataan tersebut ialah penerapan, kemahiran berfikir, KBAT, pengajaran dan pembelajaran PSV dan guru PSV (GPSV).

1.8.1 Penerapan

Penerapan kemahiran berfikir dikaitkan dengan satu proses menggunakan minda sama ada mencari makna dan pemahaman terhadap sesuatu, membuat pertimbangan dan keputusan atau menyelesaikan masalah. Pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran yang berteraskan kemahiran berfikir memerlukan penggunaan strategi, pendekatan, kaedah, dan Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang terancang supaya dapat mengembangkan minda murid. Penerapan KBAT melalui pembelajaran berasaskan inkuiri, pembelajaran kolaboratif dan pembelajaran sepanjang hayat dapat menyediakan murid dengan Kemahiran Abad Ke-21.

Penerapan EMK pula dapat mengukuhkan kemahiran dan jati diri supaya murid-murid mampu menangani cabaran semasa. Pengetahuan yang didapati melalui penerokaan murid-murid dapat diterjemahkan menggunakan imaginasi dan idea yang kreatif serta inovatif. Murid-murid juga didedahkan dengan aspek designomic dalam Pemikiran Seni Visual (DSKP, KSSM Pendidikan Seni Visual Tingkatan 4 Dan 5, 2018)



Oleh itu, guru-guru perlu menerapkan kemahiran berfikir dalam objektif pelajaran melalui strategi pengajaran yang menggalakkan para murid berfikir terutamanya soalan-soalan yang sesuai dengan kebolehan dan pencapaian murid mengikut pelbagai kognitif iaitu aras pengetahuan, kefahaman, penggunaan, analisis, sintesis dan penilaian. Kemahiran berfikir memerlukan para murid mengulas, mengarang, memilih, menilai, meramal dan menyelesaikan masalah. Aktiviti-aktiviti ini hendaklah diserapkan ke dalam pengajaran dan pembelajaran (Ee Ah Meng, 2006). Dalam kajian ini, penerapan bermaksud proses mengaplikasikan dan menyebatkan aras-aras KBAT dalam PdPc PSV. Aras pemikiran KBAT adalah menganalisis, menilai dan mencipta.



1.8.2 Kemahiran Berfikir Aras Tinggi

Lewis dan Smith (1993) menjelaskan KBAT bermaksud apabila seseorang dapat menyusun, memperluaskan dan menggunakan maklumat itu untuk mencapai tujuan mencari jawapan termasuklah melakukan apa yang perlu, membina idea baharu dan menyelesaikan nonrutin. Manakala Rajendran (2017) KBAT merupakan proses untuk mengembangkan minda bagi menghadapi cabaran baharu apabila individu itu boleh mentafsir, menganalisis atau memanipulasi maklumat untuk menjawab soalan atau menyelesaikan masalah yang tidak boleh diselesaikan secara rutin melalui pengetahuan sedia ada. Dalam konteks kajian ini, KBAT diistilahkan sebagai proses kemahiran berfikir dan keupayaan mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran dalam tiga aras iaitu menganalisis, menilai dan mencipta dalam Taksonomi Bloom semakan semula





Anderson (Anderson & Krathwohl, 2001) yang digunakan dalam PdPc di dalam kelas dan pentaksiran pembelajaran.

1.8.3 Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc)

Pengajaran dan pemudahcaraan dapat diertikan sebagai proses memperoleh maklumat secara langsung atau tidak langsung secara komunikasi dua hala antara guru dengan murid-murid yang mana guru berfungsi sebagai fasilitator (pemudahcara). Mok (2002) mendefinisikan bahawa pengajaran merupakan segala bentuk aktiviti atau kegiatan yang dilaksanakan untuk menyampaikan isi pelajaran serta dapat meningkatkan motivasi murid untuk lebih fokus belajar, berupaya berdisiplin dan dapat berkomunikasi antara satu sama lain dengan cara yang positif. Ee Ah Meng (2006) pula konsep pengajaran adalah proses penyampaian ilmu pengetahuan, sikap, kemahiran dan nilai-nilai. Kamarudin dan Siti Hajar (2004) menjelaskan pengajaran ialah satu sistem aktiviti bertujuan membawa perubahan tingkah laku kepada para murid. Sistem aktiviti yang dirancang oleh guru untuk menyampaikan maklumat atau pengetahuan di dalam bilik darjah. Menurut Noraini dan Shuki (2009) pembelajaran pula suatu proses yang kompleks, membabitkan dua pihak, iaitu murid dan persekitaran belajar yang memerlukan mereka mestilah mempunyai kesanggupan, keupayaan, motivasi untuk proses belajar dalam persekitaran akademik, sosial dan kemudahan yang berkesan.

Nur Hazirah Hairia'an dan Masayu Dzainudin (2020) menjelaskan pembelajaran dan pemudahcaraan dalam pembelajaran abad ke-21 adalah suatu transformasi dalam dunia pendidikan. Perubahan daripada kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) kepada kaedah PdPc yang lebih kreatif dan dinamik. Guru pula



berfungsi sebagai kumpulan pelaksana yang perlu seiring dengan perkembangan teknologi siber, berpengetahuan, berkemahiran dan memiliki motivasi yang tinggi untuk PdPc yang cekap dan efektif. Kaedah PdPc membolehkan guru mengaplikasi dan mengubahsui pengajaran ke arah penggunaan teknologi siber dan berpusatkan murid agar PdPc menjadi lebih menarik untuk dipelajari sekali gus mengembangkan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) murid.

1.8.4 Pendidikan Seni Visual (PSV)

Mata pelajaran PSV merupakan salah satu mata pelajaran teras yang wajib dipelajari oleh para murid sama ada di peringkat sekolah rendah atau sekolah menengah. Kurikulum PSV telah digubal oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk dipelajari oleh semua murid. Menurut Mazlan Mohamad (1996) Pendidikan Seni Visual merupakan program pendidikan yang bersistem, terancang, dan prestasinya boleh diukur bagi memenuhi keperluan individu. Keperluan individu dapat dicapai melalui aktiviti Seni.

1.8.5 Guru Pendidikan Seni Visual (GPSV)

Pendidik adalah orang yang mendidik, mengajar dan melatih. Secara amnya, pendidik ialah guru yang bertanggungjawab sebagai penyampai ilmu dan maklumat kepada murid (Norasiah Abdullah, Nor Risah Jamilah & Rosnah Ahmad Zain, 2013). Guru memainkan peranan yang cukup dominan dalam sistem pendidikan. Guru merupakan pendidik atau pengasuh kanak-kanak yang akan mewarisi ilmu pengetahuan dan

kebudayaan bangsa untuk pembangunan dan kemajuan negara pada masa depan. Kredibiliti seorang guru tidak hanya pada penyebaran ilmu malah tingkah laku guru juga menjadi suri teladan kepada para murid. Hanya guru yang berkualiti dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab ini dengan berjaya (Mok, 2004). Guru dalam kajian ini adalah pendidik yang mengajar, mengasuh, membimbing, memudahkan cara, memberi tunjuk ajar kepada para murid di sekolah menengah. Guru PSV ialah guru yang mempunyai ilmu pengetahuan yang mendalam dalam bidang PSV dan mengajar mata pelajaran PSV di sekolah menengah.

1.9 Batasan Kajian

Kajian ini mengaplikasikan pendekatan kualitatif secara kajian kes. Oleh sebab itu, batasan kajian meliputi skop kajian, lokasi kajian, pemilihan partisipan kajian dan generalisasi dapatan kajian.

Kajian ini memfokuskan kepada penerokaan penerapan KBAT dalam kalangan guru yang mengajar PSV. Penerokaan ini melibatkan empat fokus utama iaitu (i) pengetahuan guru tentang KBAT, (ii) sikap guru terhadap penerimaan KBAT, (iii) kaedah pelaksanaan pengajaran KBAT dari segi aktiviti PdPc dan (iv) faktor-faktor yang mempengaruhi pelaksanaan KBAT di sekolah menengah. Namun begitu, aspek lain yang diberi perhatian dalam kajian ini adalah (i) pandangan para murid terhadap pengajaran guru berasaskan KBAT melalui kelas yang dijalankan; (ii) penggunaan teknologi dalam pengajaran guru dalam menerapkan KBAT. Fokus ini dilihat sebagai aspek penting untuk pengkaji merungkaikan proses penerapan KBAT oleh guru-guru PSV dalam amalan praktis pengajaran mereka.



Selain itu, amalan penerapan KBAT semasa PdPc dalam kajian ini melibatkan topik-topik yang terkandung dalam mata pelajaran PSV sekolah menengah. Topik-topik yang diajar tidak ditentukan oleh pengkaji malah partisipan kajian bebas memilih topik dalam silibus berdasarkan sukatan pelajaran dan rancangan pelajaran tahunan untuk PdPc mereka. Antara topik dalam bidang Pendidikan Seni ialah bidang asas seni reka dan prinsip rekaan, bidang seni halus, bidang kraf dan bidang komunikasi visual. Tugas dan latihan yang diberikan oleh guru PSV (GPSV) dalam proses PdPc ini tidak termasuk dalam skop kajian ini kecuali latihan yang diberikan dan dibincangkan semasa sesi PdPc dijalankan.

Kajian ini juga terbatas dari segi generalisasi dapatan kajian. Hal ini disebabkan kajian yang dijalankan adalah untuk memahami secara mendalam situasi PdPc yang melaksanakan penerapan KBAT oleh GPSV dalam ruang yang berskala kecil. Namun, pengkaji telah menghuraikan dengan lengkap tentang ciri-ciri partisipan kajian dan melaporkan dapatan kajian secara terperinci. Oleh itu, pemindahan dapatan kajian ini ke dalam konteks lain bergantung kepada tanggungjawab pembaca dalam membuat pertimbangan.

1.9.1 Batasan Tempat

Kajian ini dilaksanakan di empat buah sekolah menengah sahaja iaitu sekolah-sekolah di Pulau Pinang yang terdiri daripada tiga daerah yang dipilih iaitu satu sekolah di Daerah Barat Daya, dua sekolah di Daerah Timur Laut dan satu sekolah di Daerah Seberang Perai Tengah. Hal ini kerana keseluruhan sekolah yang diambil kira adalah





sebanyak 15 buah sekolah hasil tinjauan untuk dikenal pasti untuk dijadikan lokasi kajian. Namun, apabila telah menghubungi pihak sekolah dan dikenal pasti untuk mencari partisipan kajian hanya empat sekolah sahaja yang sanggup untuk terlibat dan memberi komitmen terhadap kajian ini. Oleh itu, sebanyak empat sekolah sahaja yang dipilih. Justifikasi pemilihan tempat ini adalah berdasarkan kepentingan kajian bagi kriteria sekolah untuk mendapatkan maklumat berkaitan kajian.

1.9.2 Batasan Partisipan Kajian

Kajian ini tertumpu kepada guru-guru yang berpengalaman lebih daripada 10 tahun mengajar PSV dan sememangnya guru-guru ini mengajar dalam mata pelajaran PSV.

Guru-guru ini terdiri daripada guru yang opsyen atau bukan opsyen PSV tetapi mempunyai pengalaman luas dalam PdPc. Guru-guru berpengalaman ini memegang jawatan sebagai Ketua Pentaksir Kawasan dan Ketua Pentaksir Sekolah bagi Kerja Kursus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Ketua Panitia PSV. Selain itu, ada juga guru yang memegang jawatan khas seperti Setiausaha Peperiksaan SPM, Setiausaha buku teks di sekolah.

Kriteria seperti umur, jantina, kelayakan akademik, pengalaman mengajar diterima dalam kajian ini. Hal ini kerana di sesetengah sekolah ada guru-guru lelaki atau guru-guru perempuan yang mengajar mata pelajaran PSV yang sememangnya opsyen PSV. Hanya enam guru yang mengajar PSV dipilih untuk menjadi partisipan dalam kajian ini. Hal ini disebabkan faktor masa, jenis kajian, kewangan, persoalan dan tenaga yang begitu terbatas maka kajian ini tidak dapat dijalankan dalam populasi yang lebih besar.



Selain itu, pengkaji juga memilih partisipan murid daripada partisipan kajian. Hal ini kerana pengkaji ingin mendapat data sokongan daripada partisipan murid tentang pengetahuan, sikap, kaedah PdPc dan faktor-faktor yang melibatkan penerapan KBAT di sekolah. Partisipan murid ini dipilih daripada dua orang partisipan kajian sahaja. Hal ini bermakna hanya dua orang partisipan sahaja yang terlibat dengan partisipan murid. Bagi seorang partisipan kajian telah dipilih seramai lima orang murid. Kesemua 10 orang murid yang terlibat dalam kajian ini. Hal ini bermakna seorang partisipan kajian adalah dipilih seramai lima orang murid yang terdiri daripada murid-murid tingkatan empat untuk mendapatkan data melalui temu bual fokus berkumpulan (*focus group*).

1.10 Sistematik/Struktur Penulisan Laporan Kajian

Penulisan ini mengandungi lima bab yang dimulai dengan bab pendahuluan. Bab ini memfokuskan penjelasan tentang latar belakang kajian yang berkaitan dengan KBAT dalam PSV. Bab ini juga turut dimuatkan tentang tujuan kajian, objektif kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, kepentingannya serta batasan kajian dan diakhiri dengan penerangan organisasi penulisan bab tesis.

Memahami bahawa penerapan KBAT dalam PSV sangat penting oleh guru-guru PSV pada masa ini untuk meningkatkan kreativiti para murid, bab dua dimuatkan dengan tinjauan bacaan atau kajian-kajian terdahulu yang berkaitan serta penjelasan teori dan konsep yang menjurus ke arah kepentingan penerapan KBAT dalam proses PdPc. Bab dua menekankan perbincangan tentang pengenalan KBAT dalam pendidikan di peringkat dunia dan dalam konteks pendidikan di Malaysia. Selain itu, peranan



pembuat dasar dan bagaimana pelaksanaan KBAT di sekolah dalam konteks PSV dalam kalangan guru-guru dan murid-murid turut dibincangkan. Bab dua diakhiri dengan penjelasan tentang kerangka konseptual kajian yang berasaskan kepada teori dan konsep yang difahami untuk tujuan melaksanakan kajian dan meneliti fenomena di lokasi dan di lapangan.

Bab tiga pula menjelaskan tentang kaedah pelaksanaan penerapan KBAT dalam kajian ini. Bab ini dimuatkan tentang penjelasan pemilihan kaedah yang ingin dijalankan dan rasional kajian ini menggunakan kaedah yang telah dipilih. Selain itu, prosedur pengumpulan dan analisa data turut difokuskan, kesahan dan kebolehpercayaan kajian di samping menjelaskan maklumat tentang latar belakang konteks kajian, iaitu KBAT dalam PSV di sekolah-sekolah menengah yang dipilih.



Setelah mengenal pasti dan meneliti proses dan prosedur pelaksanaan kajian, bab empat pula menjelaskan tentang dapatan kajian yang berkaitan aspek-aspek persoalan kajian. Dapatan kajian ini mengemukakan tentang pengalaman dan pengetahuan guru-guru PSV dalam proses PdPc mereka. Penjelasan juga berkaitan fenomena PdPc di dalam kelas dengan memfokuskan pengajaran berasaskan penerapan KBAT dalam bidang-bidang mata pelajaran PSV.

Aspek seterusnya ialah bab lima yang mengupas tentang penjelasan tentang rumusan secara keseluruhan, cadangan dan kesimpulan dengan membahagikan kepada topik-topik bagi setiap bidang. Selain itu, turut dimuatkan dengan satu cadangan kerangka konsep untuk tujuan PdPc PSV yang kreatif dalam usaha menerapkan konsep



KBAT. Selain itu, dinyatakan juga tentang cadangan berasaskan kajian dan rumusan keseluruhan kepada kajian yang telah dilaksanakan.

1.11 Rumusan

Secara keseluruhannya, kajian ini melibatkan kompetensi atau kecekapan yang membabitkan pengetahuan, sikap dan kaedah pengajaran guru-guru berpengalaman PSV dalam proses penerapan KBAT. Pengaplikasian KBAT dalam PdPc oleh guru-guru ini amat penting. Hal ini kerana elemen asas dalam KBAT perlu diketahui dan dikuasai oleh guru-guru dahulu sebelum menyampaikannya kepada para murid. Kompetensi yang tinggi dalam pengajaran berunsurkan KBAT membolehkan guru-guru dapat menyampaikan sesuatu PdPc dengan lebih baik dan efektif dalam usaha memperkasakan PAK21.